

# Peta Terhad

## Liputan Semenanjung Malaysia.

### Jenis Peta

Peta Topografi Terhad 1:50 000 Semenanjung Malaysia - Siri No L7030

### Pengenalan

Peta versi terhad berskala 1:50 000 merangkumi kawasan pemetaan Semenanjung Malaysia sahaja. Peta ini berwarna penuh menunjukkan butiran-butiran buatan, tumbuhan dan tanaman, hidrografi dan relief dengan anotasi.

### Keterangan

Butiran-butiran buatan yang ditunjukkan adalah termasuk lebuh raya dan jalan raya, jalan kereta api, bangunan dan sempadan. Lebuh raya dan Jalan Raya dikelaskan kepada berkembar atau tunggal, tidak berturap, laluan pejalan kaki dan jalan sedang dibina. Sempadan ditunjukkan mengikut keutamaan dimulakan dengan sempadan antarabangsa, negeri, bahagian, daerah, mukim dan rizab. Relief digambarkan dengan garis kontur berskala 20 meter dan ukur ketinggian dalam meter. Tumbuhan dan tanaman, bandar dan kawasan tepubina ditunjukkan dengan simbol tertentu. Ciri hidrografi juga ditunjukkan. Unjuran digunakan adalah Bentuk Benar Serong Ditepati dan grid Bentuk Benar Serong Ditepati (Meter).

### Jumlah Lembar

- Peta Bercetak :177
- Data Vektor :177
- Peta Imbasan:177

### Rujukan

[Rujuk Katalog.](#)

## Jenis Peta

Peta Topografi Terhad 1:25 000 Semenanjung Malaysia - Siri No L8028

## Pengenalan

Peta versi terhad yang berskala 1:25 000 dan pemetaan hanya merangkumi kawasan Semenanjung Malaysia sahaja. Peta ini berwarna penuh, menunjukkan *relief*, pengelasan kawasan dan ciri-ciri semulajadi atau buatan dengan anotasi.

## Keterangan

Ciri-ciri ditunjukkan adalah sempadan bangunan, *relief*, pengangkutan, tumbuhan-tumbuhan, hidrografi, kemudahan awam dan pelbagai. Menggunakan unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Malaysia) dan grid BBST-meter. Peta ini dihasilkan dengan kaedah digital.

## Jumlah Lembar

- Peta Bercetak :653
- Data Vektor :635
- Peta Imbasan:635

## Rujukan

[Rujuk Katalog.](#)

## Jenis Peta

Peta Topografi Terhad 1:3000 - 12 500 Peta Bandar Semenanjung Malaysia - Siri No L905

## Pengenalan

Peta versi terhad yang berskala 1:3 000, 1:5 000, 1:7 500, 1:10 000, 1:12 500 dan pemetaan hanya merangkumi kawasan Bandar-bandar di Semenanjung Malaysia sahaja. Peta ini berskala besar, berwarna penuh, menunjukkan *relief*, pengelasan kawasan dan ciri-ciri semulajadi atau buatan dengan anotasi.

## Keterangan

Ciri-ciri yang ditunjukkan adalah sempadan antarabangsa, negeri, daerah, mukim, rizab dan sempadan tumbuh-tumbuhan. Relief digambarkan dengan garis kontur bersela 5 meter, ukur tinggi dalam ukuran meter. Jalan dikelaskan kepada jalan terus, jalan kembar, jalan tunggal, berturap dan tidak berturap, lorong boleh berkereta motor dan lorong kaki. Jalan dianotasi. Jalan keretapi; bangunan ditunjukkan dengan simbol dan nama-nama tertentu, susunan warna digunakan untuk membezakan jenis bangunan. Tumbuh-tumbuhan ditunjukkan dengan simbol dan ciri hidrografi juga ditunjukkan. Menggunakan unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Malaya) dan grid BBST-meter. Peta siri ini dihasilkan dengan kaedah digital.

## Jumlah Lembar

- Peta Bercetak :137
- Data Vektor :137
- Peta Imbasan:137

## Rujukan

[Rujuk Katalog.](#)

## **Liputan Putrajaya**

### **Jenis Peta**

Peta Utiliti Terhad berskala 1:500 bagi Kawasan Putrajaya - No Siri MY901U

### **Pengenalan**

Peta Utiliti versi Terhad pada skala 1:500 hanya meliputi jalan-jalan utama kawasan di putrajaya. Peta ini diterbitkan bagi menunjukkan butiran-butiran utiliti, butiran semulajadi dan anotasi utiliti berdasarkan warna yang tertentu.

### **Keterangan**

Butiran utiliti terdiri dari pemasangan utiliti bawah tanah seperti kabel elektrik, kabel telekomunikasi paip gas asli , paip air dan paip pembentungan. Sementara itu, butiran buatan terdiri dari sempadan, lot-lot kadaster, bangunan, pengangkutan, hidrografi, kemudahan awam dan lain-lain. Unjuran yang digunakan adalah Bentuk Benar Serong ditepati (BBST) berdasarkan kepada Datum Geosentrik Malaysia 2000 (GDM2000). Peta ini diterbitkan dengan kaedah digital.

### **Jumlah Lembar**

- 316 lembar meliputi jalan-jalan utama di Putrajaya

### **Rujukan**

[Rujuk Katalog.](#)

## **Liputan Lembah Klang**

### **Jenis Peta**

Peta Topografi Terhadap 1:10 000 Klang Valley- Siri No. L808

### **Pengenalan**

Peta versi terhad yang berskala 1:10 000 hanya merangkumi kawasan Perbandaran Kuala Lumpur dan kawasan persekitarannya sahaja. Peta ini berskala besar, berwarna penuh, menunjukkan *relief*, pengelasan kawasan dan butiran-butiran semulajadi atau buatan dengan anotasi.

### **Keterangan**

Butiran-butiran yang ditunjukkan adalah sempadan negeri, daerah, mukim dan rizab. Relief digambarkan dengan garis kontur bersela 5 meter. Jalan dikelaskan kepada lebuh raya kembar, jalan raya tunggal, berturap, jalan tidak berturap, lorong boleh berkereta motor, lorong kaki. Jalan dianotasi dan bangunan ditunjukkan dengan simbol dan nama-nama tertentu, susunan warna digunakan untuk membezakan jenis bangunan. Tumbuh-tumbuhan ditunjukkan dengan simbol dan ciri hidrografi juga ditunjukkan. Menggunakan unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati dan grid BBST-meter. Peta siri ini dihasilkan dengan kaedah digital.

### **Jumlah Lembar**

- Peta Bercetak :45
- Data Vektor :45
- Peta Imbasan:45

### **Rujukan**

[Rujuk Katalog.](#)

## **Liputan Sabah dan Sarawak.**

### **Jenis Peta**

Peta Topografi Terhad 1:50 000 Sabah & Sarawak - Siri No T735

### **Pengenalan**

Peta versi terhad yang berskala 1:50 000 dan pemetaan hanya merangkumi kawasan Sabah dan Sarawak sahaja. Peta ini berwarna penuh, menunjukkan *relief*, pengelasan kawasan dan ciri-ciri semulajadi atau buatan dengan anotasi.

### **Keterangan**

Ciri-ciri yang ditunjukkan adalah sempadan antarabangsa, negeri, bahagian, daerah, daerah kecil, dan rizab. *Relief* digambarkan dengan garis kontur bersela 20 meter; ukur tinggi dalam ukuran kaki. Jalan dikelaskan kepada jalan kembar, jalan berturap dan berguna semua musim, jalan tidak berturap dan berguna semua musim, jalan tidak berturap dan berguna musim kemarau, lorong boleh berkereta dan lorong kaki. Tumbuh-tumbuhan ditunjukkan dengan simbol, bandar dan kawasan tepubina ditunjukkan dengan simbol tertentu dan ciri hidrografi juga ditunjukkan. Menggunakan unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Borneo). Menggunakan grid pertama - NEI, grid kedua - Borneo RSO dan UTM Grid. Peta siri ini dihasilkan dengan kaedah konvensional.

### **Jumlah Lembar**

- Peta Bercetak :337
- Data Vektor :337
- Peta Imbasan:337

### **Rujukan**

[Rujuk Katalog.](#)

## Jenis Peta

Peta Topografi Terhad 1:50 000 Sabah & Sarawak - Siri No T738

## Pengenalan

Peta versi terhad yang berskala 1:50 000 dan pemetaan hanya merangkumi kawasan Sabah dan Sarawak sahaja. Peta ini berwarna penuh, menunjukkan *relief*, pengelasan kawasan dan ciri-ciri semulajadi atau buatan dengan anotasi.

## Keterangan

Ciri-ciri yang ditunjukkan adalah sempadan antarabangsa, negeri, bahagian, daerah, daerah kecil, dan rizab. Relief digambarkan dengan garis kontur bersela 20 meter; ukur tinggi dalam ukuran meter. Jalan dikelaskan kepada lebuh raya kembar dan tunggal, lorong boleh berkereta motor, lorong jalan kaki dan jalan sedang dibina dan ditunjukkan jalan keretapi. Tumbuh-tumbuhan ditunjukkan dengan simbol, bandar dan kawasan tepubina ditunjukkan dengan simbol tertentu dan hidrografi juga ditunjukkan. Menggunakan unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati dan grid BBST-meter. Peta siri ini dihasilkan dengan kaedah digital.

## Jumlah Lembar

- Peta Bercetak :278
- Data Vektor :278
- Peta Imbasan:278

## Rujukan

[Rujuk Katalog.](#)

## **Jenis Peta**

Peta Topografi Terhad 1:25 000 Sabah & Sarawak - Siri No T835

## **Pengenalan**

Peta versi terhad yang berskala 1:25 000 dan pemetaan hanya merangkumi kawasan Sabah dan Sarawak sahaja. Peta ini berwarna penuh, menunjukkan *relief*, pengelasan kawasan dan ciri-ciri semulajadi atau buatan dengan anotasi.

## **Keterangan**

Ciri-ciri yang ditunjukkan adalah sempadan bangunan, relief, pengangkutan, tumbuhan-tumbuhan, hidrografi, kemudahan awam dan pelbagai. Menggunakan unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Borneo) grid BBST-meter. Peta siri ini dihasilkan dengan kaedah digital.

## **Jumlah Lembar**

- Peta Bercetak :1002
- Data Vektor:1002
- Peta Imbasan:1002

## **Rujukan**

[Rujuk Katalog.](#)



## Jenis Peta

Peta Topografi Terhad 1:25 000 Sarawak - No. Siri T834

## Pengenalan

Peta versi terhad yang berskala 1:25 000 dan pemetaan hanya merangkumi kawasan Sabah dan Sarawak sahaja, berwarna penuh, menunjukkan *relief*, pengelasan kawasan dan ciri-ciri semulajadi atau buatan dengan anotasi.

## Keterangan

Ciri-ciri yang ditunjukkan adalah sempadan bangunan, *relief*, pengangkutan, tumbuhan-tumbuhan, hidrografi, kemudahan awam dan pelbagai. Menggunakan unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Borneo). Menggunakan grid pertama - HTB, grid kedua BBST (Borneo) dan MLU. Peta siri ini dihasilkan dengan kaedah konvensional.

## Jumlah Lembar

- Peta Bercetak :0
- Data Vektor :0
- Peta Imbasan:0

## Rujukan

[Rujuk Katalog.](#)

## **Jenis Peta**

Peta Topografi Terhad 1:3000 - 12 500 bagi Sabah & Sarawak - No. Siri T931

## **Pengenalan**

Peta versi terhad yang berskala 1:3 000, 1:5 000, 1:7 500, 1:10 000, 1:12 500 dan pemetaan hanya merangkumi kawasan bandar-bandar di Sabah dan Sarawak sahaja. Peta ini berskala besar, berwarna penuh, menunjukkan relief, pengelasan kawasan dan ciri-ciri semulajadi atau buatan dengan anotasi.

## **Keterangan**

Ciri-ciri yang ditunjukkan adalah sempadan antarabangsa, negeri, bahagian, daerah, daerah kecil, dan rizab. Relief digambarkan dengan garis kontur berjarak 5 meter. Ukur tinggi dalam ukuran meter. Jalan dikelaskan kepada jalan terus, jalan kembar, jalan tunggal, berturap dan tidak berturap, lorong boleh berkereta motor dan lorong kaki. Jalan dianotasi, jalan keretapi, bangunan ditunjukkan dengan simbol dan nama-nama tertentu, susunan warna yang membezakan jenis bangunan. Tumbuh-tumbuhan ditunjukkan dengan simbol dan ciri hidrografi juga ditunjukkan. Menggunakan unjuran Bentuk Benar Serong Ditepati (Borneo) dan grid BBST-meter. Peta siri ini dihasilkan dengan kaedah digital.

## **Jumlah Lembar**

- Peta Bercetak :49
- Data Vektor :49
- Peta Imbasan:49

## **Rujukan**

[Rujuk Katalog.](#)